

January 2016



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI MARA  
SARAWAK

7<sup>th</sup>  
ISSUE

# info kampus

UiTM SARAWAK BULLETIN



**UiTM** Transformation  
Program

ISSN 2232-1578



9 772232 157005

## Lawatan ke

## FAKULTAS SAINS DAN TEKNOLOGI UNIVERSITAS AIRLANGGA SURABAYA

Oleh: Nelson anak Bernard dan Khong Heng Yen

Pada 10 November 2015 yang lepas, Kumpulan AS2024A telah diberi peluang dan kesempatan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sarawak untuk mengadakan lawatan sambil belajar ke negara jiran, Indonesia. Rombongan ini terdiri daripada 19 orang pelajar dari Program Sarjana Muda Sains (Kepujian) Kimia, Fakulti Sains Gunaan (FSG) yang diketuai oleh Profesor Madya Dr. Khong Heng Yen, selaku Penasihat Akademik serta pensyarah kursus Kimia Alam Sekitar. Tujuan utama lawatan ini ialah bagi memenuhi kehendak serta syarat sistem pembelajaran yang dikenali sebagai 'blended learning'. Selain pembelajaran dalam kuliah dan tutorial serta kerja amali di dalam makmal, pelajar juga digalakkan untuk turun padang sendiri untuk mendapatkan sampel analisa serta lebih mendapatkan informasi terkini mengenai peredaran semasa untuk lebih mendalami pembelajaran mereka.

Semasa lawatan ke Fakultas Sains dan Teknologi Universitas Airlangga, rombongan disambut dengan tangan yang terbuka. Kedua-dua pihak diberi peluang untuk berkongsi maklumat tentang akademik serta kebudayaan masing-masing. Peserta rombongan juga diberi peluang untuk melawat ke sekitar kawasan Fakultas Sains dan Teknologi seperti bilik kuliah, bilik kemudahan fakulti serta makmal-makmal mereka. Keadaan kampus di Universitas Airlangga Surabaya sangat sederhana, tiada kelengkapan penghawa dingin ataupun fasiliti yang sangat kondusif untuk pembelajaran dan pengajaran. Walau bagaimanapun, para pelajar di sana sangat kreatif and inovatif di mana mereka mengamalkan kitaran semula bahan buang serta membuat peralatan makmal sains seperti sistem penyulingan air dengan bahan yang sedia ada. Sifat dedikasi, iktizam, azam, usaha dan keikhlasan para pelajar di sana telah menambah semangat baru bagi rombongan lawatan untuk menimba ilmu kerana fasiliti dan prasarana yang disediakan oleh UiTM, khususnya UiTM Sarawak adalah mencukupi. Di samping itu, kelengkapan moden yang dimiliki oleh UiTM Sarawak seperti instrumen dalam makmal yang diperlukan untuk tujuan eksperimentasi pembelajaran sahaja sudah mencukupi bagi tujuan penyelidikan. Oleh itu, pelajar terlibat berasa sangat bersyukur serta berterima-kasih kepada UiTM kerana telah menyediakan fasiliti dan pasarana yang sangat sempurna sekali bagi mereka menimba ilmu pengetahuan.



Sesi bergambar selepas sesi perbincangan dan perkongsian pengalaman

Lawatan ke makmal dan sekitar kawasan Fakultas Sains dan Teknologi Universitas Airlangga



Persembahan tarian Jawa Tengah oleh pelajar Program Sarjana Muda Sains Kimia



Ahli rombongan UiTM Sarawak bersama dengan Timbalan Dekan Fakulti, Ketua Jabatan Kimia, pensyarah serta pelajar Program Sarjana Muda Sains Kimia Fakultas Sains dan Teknologi Universitas Airlangga

## Exploration to Knowledge of Visual Technology

Pada 6 September 2015 sehingga 9 September 2015, satu program lawatan sambil belajar bertemakan *Exploration To Knowledge of Visual Technology* ke Johor Bahru dan Singapura telah diadakan dan disertai oleh seramai 23 orang pelajar (CS1105A) daripada Program Diploma Sains Komputer (CS110). Lawatan ini diketuai oleh saudara Izzat Alfin Bin Slamet dan diiringi oleh seorang pensyarah pengiring, Puan Azlina Binti Bujang. Lawatan ini adalah bertujuan untuk membuka minda pelajar dalam menerokai subjek Pengaturcaraan Visual melalui eksplorasi ke lokasi-lokasi yang mengimplementasikan penggunaan aplikasi visual 3D dan 4D.

Disamping itu, para pelajar juga diharap dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran teknologi visual yang canggih dan menggunakan fasiliti yang sedia ada untuk membangunkan aplikasi yang berdaya saing, sejajar dengan perkembangan teknologi terkini di Malaysia dan juga di negara-negara luar. Di antara lokasi yang dilawati adalah Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Pembangunan Sri Iskandar Development Cooperation, EduCity@Iskandar, Legoland, Universal Studio Singapura, Singapore Discovery Centre dan Singapore Science Centre.



Lawatan ke Universiti Tun Hussein Onn (UTHM)



Rombongan bergambar di Legoland Malaysia



Rombongan ketika di Universal Studio Singapore



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI MARA  
SARAWAK

## Corporate Communications & International Relations

Universiti Teknologi MARA Sarawak  
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,  
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,  
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300  
E-mail: [corporate@sarawak.uitm.edu.my](mailto:corporate@sarawak.uitm.edu.my)  
[www.sarawak.uitm.edu.my](http://www.sarawak.uitm.edu.my)